



Rujukan Kami : JKNS 704/70 Jld. 3 (12)

Tarikh : 31 Disember 2020

Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
Semua Pengarah Hospital
Semua Pegawai Kesihatan Daerah
Semua Pegawai Pergigian Daerah

YBhg. Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,

**ARAHAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI BIL. 1/2021
PENGURUSAN PEROLEHAN PERALATAN
TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan sedia maklum, perolehan ICT adalah tertakluk kepada tatacara perolehan kerajaan yang berkuatkuasa. Perolehan peralatan ICT adalah merangkumi perolehan bekalan dan perkhidmatan yang kini menjadi semakin kritikal mengambil kira kepada faktor kebergantungan terhadap penggunaan ICT yang semakin meluas, perubahan pesat kemajuan teknologi ICT serta amalan kebiasaan baharu.

3. Pada masa ini, proses perolehan peralatan ICT dibuat berdasarkan keperluan dan peruntukan Harta Modal/Aset, Aset Bernilai Rendah (ABR) dan Aset Tak Ketara (ATK) di PTj masing-masing. Berdasarkan pemerhatian semasa, beberapa isu telah dikesan berpunca daripada kelemahan pengurusan perolehan dan kekurangan pengetahuan teknikal ICT. Ini mengakibatkan, peralatan ICT tidak dapat digunakan secara optima, tanpa perisian/lesen sah, tiada jaminan (*warranty*) serta meningkatkan kos pembaikan untuk jangka panjang.

3. Justeru itu, bagi memastikan perolehan memenuhi keperluan yang ditetapkan dan dapat dilaksanakan dengan teratur. Perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian serius:

- i. Perolehan peralatan ICT hendaklah dimasukkan dalam rancangan perolehan tahunan dengan mengambilkira keperluan perkhidmatan;
- ii. Spesifikasi teknikal minimum hendaklah dipenuhi bagi keperluan projek dan sistem lain seperti PhIS-CPS, HIS, TPC-OHCIS, ePerolehan, iGFMAS atau kegunaan automasi pejabat yang lain;

- iii. Perolehan perkakasan hendaklah termasuk perisian/lesen yang sah;
 - iv. Perolehan dibuat hendaklah termasuk tempoh jaminan (*warranty*) yang sesuai;
 - v. Penyeragaman jenama/model perkakasan yang digunakan disatu-satu pejabat hendaklah dibuat supaya kos senggaraan/alat ganti menjadi lebih rendah dan lebih ekonomi; dan
 - vi. Spesifikasi peralatan ICT hendaklah disemak dan disokong oleh Ketua Unit Teknologi Maklumat atau Pegawai/Penolong Pegawai Teknologi Maklumat di PTj masing-masing sebelum proses perolehan selanjutnya. Sila rujuk Carta Alir seperti di **LAMPIRAN 1**.
5. Arahan ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2021**.
6. Disertakan jua bersama ini Senarai Semak Perolehan Peralatan ICT (**LAMPIRAN 2**) untuk rujukan dan panduan. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini boleh menghubungi Unit Teknologi Maklumat, Bahagian Pengurusan, JKNS melalui e-mel itjkns@moh.gov.my atau telefon 03-5123 7247.

Perhatian pihak YBhg. Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' INDERA DR. SHA'ARI BIN NGADIMAN)
No Pendaftaran Penuh MPM: 26842, NSR:127761
Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

SENARAI EDARAN

1. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)
2. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
3. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
4. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)
5. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perkhidmatan Farmasi)
6. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan)

7. Pengarah Hospital, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang
8. Pengarah Hospital, Hospital Kajang
9. Pengarah Hospital, Hospital Tanjung Karang
10. Pengarah Hospital, Hospital Kuala Kubu Bharu
11. Pengarah Hospital, Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam
12. Pengarah Hospital, Hospital Banting
13. Pengarah Hospital, Hospital Selayang
14. Pengarah Hospital, Hospital Ampang
15. Pengarah Hospital, Hospital Serdang
16. Pengarah Hospital, Hospital Sungai Buloh
17. Pengarah Hospital, Hospital Shah Alam
18. Pengarah Hospital, Hospital Orang Asli Gombak

19. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam
20. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor
21. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor
22. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah Gombak
23. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah Petaling
24. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah Klang
25. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat
26. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat
27. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah Sepang
28. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Pelabuhan Klang
29. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan KLIA, Sepang

30. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Sabak Bernam
31. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kuala Selangor
32. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Hulu Selangor
33. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Gombak
34. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Petaling
35. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Klang
36. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kuala Langat
37. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Hulu Langat
38. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Sepang

LAMPIRAN 1

**CARTA ALIR PENGURUSAN PEROLEHAN PERALATAN ICT
JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR**



